

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KELAB SUKAN & KEBAJIKAN BHG.
PERKHIDMATAN TEKNIKAL JABATAN MINERAL & GEOSAINS BIL 5/2004**

Tarikh : 15 Julai 2004
Tempat : Bilik mesyuarat Tingkat 1, Blok Zamrud, BPT
Masa : 09.45 pagi

HADIR :

En Shahar Effendi Bin Abdullah Azizi (Presiden) - Pengerusi
Hj. Zaidi Bin Hassan (Timbalan Presiden)
Hj Azhari Bin Ahmad (Bendahari)
En Dzazali Bin Ayub (Ketua Biro Rekreasi)
Pn Rodziah Binti Husain (Ketua Biro HELWA)
Pn Hamisah Binti Adnan (AJK)
En Mohd Fuzi Bin Hashim (Timbalan Setiausaha Kehormat) - Setiausaha

TURUT HADIR

Cik Norhayati Binti Zanal Abidin – mewakili Tn. Hj. Tarmidzi Bin Abd. Manap
En Nor Akhmar Bin Kamaruddin – mewakili En. Abdullah Bin Sulaiman

TIDAK HADIR :-

En. Nurul Huda Bin Romli (Setiausaha Kehormat) – Dengan maaf (Menghadiri kursus TOT)
Hj. Tarmidzi Bin Abd Manap (Ketua Biro Kebajikan) - Dengan maaf
En. Abdullah Bin Sulaiman (Ketua Biro Sukan) – Dengan maaf (kerja luar)
En. Mohd Zahar Bin Ibrahim (AJK) – Dengan maaf (menghadiri kursus BTN)

1.0 UCAPAN PENERUSI

Pengerusi selaku Presiden Kelab Sukan & Kebajikan membuka mesyuarat dengan bacaan umul kitab Al-Fatihah.

Beliau terlebih dahulu memaklumkan bahawa terdapat sedikit rombakan dalam Jawatankuasa dimana dengan kuasa yang diberikan kepada beliau selaku Presiden mengikut Fasal 7 (3) Undang-undang Tubuh Kelab KSK BPT, beliau telah melantik En. Nurul Huda Bin Romli sebagai Setiausaha Kehormat dan En Mohd Fuzi Bin Hashim selaku Timbalan Setiausaha Kehormat kelab dan yang baru. Sehubungan ini juga, beliau memaklumkan bahawa mengikut Fasal 7(8) Undang-undang Tubuh, Jawatankuasa Kelab telah melantik Tn Hj Azhari Bin Ahmad sebagai Bendahari Kehormat dan En. Abdul Wahab Bin Md. Noor sebagai Penolong Bendahari Kehormat kelab yang baru. Ujar beliau, dengan ini pelantikan Hj Azahari bin Ahmad selaku Setiausaha Kehormat adalah dibatal. Surat lantikan akan dikeluarkan kepada mereka semua.

Pengerusi berharap dengan perlantikan baru ini yang mengandungi muka-muka lama dan baru akan lebih memantapkan lagi Jawatankuasa Kelab pada masa akan datang disamping memberi peluang kepada muka-muka baru untuk menjadi lebih aktif lagi di dalam aktiviti-aktiviti Kelab.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL 4/2004

Minit mesyuarat Jawatankuasa Kelab Sukan & Kebajikan Bhg Perkhidmatan Teknikal JMG Malaysia Billangan 4/2004 pada 8hb. Jun 2004 telah diterima dan disahkan tanpa pindaan.

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEMASA MESYUARAT BIL 4/2004

3.1 AHLI BERSEKUTU

Bendahari Kehormat memaklumkan bahawa beliau telah menghubungi pihak Pendaftar Pertubuhan dimana beliau dimaklumkan bahawa sebarang pindaan kepada Undang-undang Tubuh perlu dilakukan dengan mengisi borang pindaan Undang-undang Tubuh. Beliau juga memaklumkan borang tersebut perlu ditandatangani oleh dua orang pemegang jawatan utama terlebih dahulu. Sehubungan ini, Setiausaha Kehormat dengan bantuan Bendahari Kehormat diminta mengemukakan permohonan kepada pihak Pendaftar Pertubuhan dengan mengkaji pindaan peruntukan yang perlu dibuat kepada Undang-undang Tubuh sekarang.

Tindakan : S/Usaha Kehormat/ Bendahari Kehormat

3.2 PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN MOTTO KELAB

Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu AJK telah ditubuhkan. Laporan akan dikemukakan di dalam mesyuarat akan datang.

Tindakan: Webmaster

3.3 UNDANG-UNDANG KECIL

Setelah berbincang dengan panjang lebar, Mesyuarat bersependapat bahawa Undang-undang Kecil tidak perlu diwujudkan kerana tidak diperuntukkan di dalam Undang-undang Tubuh KSK BPT. Sebaliknya, Ketua Biro Kebajikan diminta mengkaji kuantum yang sesuai untuk tujuan kebajikan ahli-ahli dan keluarga masing-masing.

Tindakan: Ketua Biro Kebajikan

3.4 IKLAN SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA DI LAMAN WEB KELAB

Akan dilaporkan di dalam mesyuarat akan datang.

Tindakan: Webmaster

3.5 BILIK KELAB

Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu anggaran kos baru telah disediakan untuk kerja-kerja pengubahsuaian bilik Kelab bersebelahan dengan kantin dimana ianya kurang daripada anggaran kos asal. Sehubungan ini, Pengerusi akan mengajukan permohonan kepada Pengarah BPT untuk mendapatkan kelulusan beliau.

Tindakan : Presiden

3.6 KEMPEN MEMBACA

Tiada kerana kempen telahpun tamat. Walaubagaimanapun, penyertaan di dalam kempen di masa hadapan akan dipertimbangkan.

Makluman

3.7 BERAKIT DARI EMPANGAN CHENDEROH KE BAGAN DATOH

Mesyuarat mengambilmaklum bahawa cadangan berakit ini bagi tujuan mendapat pengiktirafan di dalam "Malaysian Book of Records" dijangka akan dilaksanakan pada akhir tahun ini. Memandangkan banyak perkara yang perlu diambilkira sebelum sebarang pertimbangan dapat diambil seperti protokol, kewangan, jemputan, serenta dan keselamatan, Ketua Biro Rekreasi diminta menyediakan satu kertas kerja terlebih dahulu.

Tindakan : Ketua Biro Rekreasi

3.8 CENDERAHATI KEPADA WEBMASTER

Mesyuarat bersetuju untuk memberi cenderahati kepada En. Zahar bin Ibrahim selaku Webmaster di atas sumbangan dan inisiatif beliau untuk mewujudkan Laman Web Kelab KSK BPT.

Tindakan : Bendahari

3.9 IKLAN-IKLAN PERSENDIRIAN

Akan dilaporkan di dalam mesyuarat akan datang.

Tindakan : Webmaster

3.10 AKTIVITI LAWATAN

Mesyuarat bersetuju supaya urusan ini diserahkan untuk Biro Rekreasi.

Tindakan : Ketua Biro Rekreasi

3.11 PENJUALAN GAMBAR

Mesyuarat mengambilmaklum bahawa urusan penjualan gambar kepada peserta-peserta kursus telah dilaksanakan dimana ianya bermula dengan penjualan gambar kepada peserta-peserta kursus pembedil baru-baru ini.

Memandangkan kos untu mencuci filem di luar adalah tinggi, satu cadangan telah dikemukakan supaya dapat mengurangkan kos ini dengan memproses secara dalaman.

Tindakan: Ketua Biro Ekonomi

3.12 SUKAN KOMPLEKS BPT

Masih belum ada perkembangan.

Tindakan : Presiden/ Ketua Biro Sukan

4. LAPORAN BIRO-BIRO

4.1 LAPORAN SETIAUSAHA KEHORMAT

4.1. Keahlian

Mesyuarat dimaklumkan bahawa bilangan ahli Kelab masih tidak memuaskan dimana tidak ada banyak perubahan daripada bilangan semasa Mesyuarat Agong Tahunan baru-baru ini iaitu seramai 104 daripada jumlah bilangan kakitangan BPT seramai 186 orang.

Makluman

Semua AJK diminta dapat memainkan peranan supaya dapat menarik lebh ramai lagi kakitangan BPT untuk menjadi ahli Kelab dan menerangkan kepada mereka faedah-faedah yang boleh diperolehi.

Tindakan: Semua AJK

Setiausaha Kehormat diminta mengemaskini senarai keahlian Kelab sehingga kini.

Tindakan: Setiausaha Kehormat

4.2. LAPORAN KEWANGAN

4.2.1 Laporan Kewangan

Bendahari Kehormat memaklumkan bahawa kedudukan kewangan Kelab sehingga kini adalah berjumlah RM 6274.89 (Tunai RM300.80 dan dalam RHB Bank RM5974.09)

Makluman

4.2.1 Yuran Ahli

Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat ahli yang masih belum melunaskan bayaran yuran. Sehubungan ini, Bendahari Kehormat diminta mendapat bantuan daripada wakil cawangan yang telah dilantik untuk mengutip yuran bulanan ahli.

Tindakan: Bendahari Kehormat

Disamping itu, satu senarai bayaran yuran lengkap ahli hendaklah disediakan untuk dikemukakan di dalam mesyuarat akan datang.

Tindakan: Bendahari Kehormat

4.3 BIRO SUKAN

Sdr. Noor Akhmar bin Kamaruddin, Setiausaha Biro Sukan telah memaklumkan bahawa AJK Biro baru ditubuhkan dan akan bermesyuarat tidak lama lagi.

Makluman

Disamping itu, Biro Sukan telah diminta untuk:-

- i. menggunakan peralatan sukan yang sedia ada bagi mengelakkan sebarang pembelian baru.
- ii. menyediakan satu senarai lengkap peralatan dan kemudahan sukan yang disimpan oleh Biro Sukan.

Tindakan : Ketua Biro Sukan

4.4 BIRO KEBAJIKAN

Cik Norhayati yang mewakili Ketua Biro Kebajikan memaklumkan bahawa Biro Kebajikan masih belum bersidang lagi untuk merancang aktiviti-aktiviti bagi tahun ini. Sehubungan ini, Pengerusi meminta supaya Biro Kebajikan dapat merancang aktiviti dengan secepat mungkin kerana aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Biro ini dapat memberi sumbangan dan faedah yang besar kepada ahli-ahli Kelab.

Tindakan: Ketua Biro Kebajikan

Mesyuarat bersetuju supaya Biro Kebajikan ini ditukarkan nama kepada "Biro Kebajikan dan Sosial" bagi mencerminkan perluasan skop Biro ini meliputi aspek sosial.

Makluman

4.5 BIRO HELWA

Mengikut laporan yang dibentangkan oleh Ketua Biro HELWA, antara aktiviti yang dirancang ialah seperti berikut:-

- i. Lawatan ke Cameron Highlands
- ii. Jualan buku resepi

Tindakan: Ketua Biro HELWA

Biro HELWA telah disarankan supaya dapat melantik seorang dua staf Makmal untuk menjadi ahli sebagai daya penarik.

Tindakan: Ketua Biro HELWA

Disamping itu, Biro HELWA telah disarankan supaya dapat mengkaji cadangan mengadakan program-program yang bersesuaian seperti Kelas Tajwid, kelas memasak dan lain-lain.

Tindakan: Ketua Biro HELWA

4.6 BIRO REKREASI

Mengikut laporan yang dibentangkan oleh Ketua Biro Rekreasi, antara aktiviti yang dirancang ialah seperti berikut:-

- i. Berakit (Disember 2005)
- ii. Hari Keluarga (Mac 2005)
- iii. Lawatan Kilang BOH (Ogos 2004)
- iv. Lawatan lain – atas permintaan ramai

Tindakan: Ketua Biro Rekreasi

Biro Rekreasi diminta mengkaji cadangan untuk mengadakan lawatan ke luar negara seperti ke Indonesia (Bandung, Medan) disamping ke tempat peranginan seperti ke Pulau Payar (Langkawi) dimana Kelab boleh bantu menyelaraskan program lawatan tersebut terutaman semasa cuti persekolahan.

Tindakan: Ketua Biro Rekreasi

4.7 BIRO EKONOMI

Mengikut laporan yang dibentangkan oleh Ketua Biro Ekonomi, antara aktiviti-aktiviti Biro ialah seperti berikut:-

- i. Penjualan barang-barang produk Atira
- ii. Tuntutan daripada tempahan makan/minum
- iii. Penjualan air botol mineral
- iv. Penjualan gambar-gambar

Tindakan: Ketua Biro Ekonomi

Beliau juga telah memaklumkan bahawa beliau telah menerima sumbangan 3 bentuk cincin (Batu Delima & Supreme) untuk Kelab dan harga minimum ialah RM75.00.

Makluman

4.8 WEBMASTER

Akan dilaporkan di mesyuarat akan datang.

Tindakan: Webmaster

Beberapa cadangan telah dikemukakan iaitu seperti berikut:-

- i. Menyediakan satu ruang di Laman Web untuk sudut cadangan bagi ahli Kelab mengemukakan cadangan dan pandangan.
- ii. Mewujudkan satu pertandingan "Cross Word Puzzle" untuk ahli-ahli Kelab dan dipaparkan di dalam Laman Web.
- iii. Menghebahkan minit mesyuarat AJK Kelab untuk makluman ahli.

Tindakan : Webmaster

5. HAL-HAL LAIN

5.1 LAPORAN HARI KELUARGA 2003

Mesyuarat dimaklumkan bahawa laporan Hari Keluarga BPT 2003 telahpun dikemukakan kepada MAKSAK. Namun resit daripada MAKSAK kepada penyumbang-penyumbang masih belum diterima lagi.

Tindakan: Setiausaha Kehormat

Laporan Hari Keluarga 2003 yang disediakan dahulu hendaklah diedarkan kepada AJK untuk makluman.


Tindakan: En. Dzazali bin Ayob

6. MESYUARAT AKAN DATANG

Mesyuarat akan datang akan dimaklumkan kemudian.

7. PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Presiden di atas komitmen yang diberikan dan berharap segala aktiviti yang dirancangkan oleh semua Biro dapat dilaksanakan secepat mungkin.



.....
Shahar Effendi Bin Abdullah Azizi
Presiden

.....
En. Mohd. Fuzi bin Hashim
Pen. Setiausaha Kehormat

Tarikh: 27hb Julai 2004